- c) di mana berkenaan, merancang dan mengadakan latihan, kursus atau tindakan lain yang bersesuaian untuk mencapai tahap kompetensi yang dikenal pasti, dan menilai keberkesannya oleh pegawai atasan menggunakan Borang Penilaian Keberkesanan Latihan; dan
- d) menyelenggara rekod-rekod yang bersesuaian dengan pendidikan, latihan, kemahiran dan pengalaman serta mengemaskini Buku Rekod Perkhidmatan.

Pelaksanaan latihan secara umumnya adalah merujuk kepada 1PP, Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan. Selain itu, pegawai atasan berkenaan perlu melaksanakan penilaian keberkesanan latihan ke atas peserta kursus menggunakan Borang Soal Selidik Kajian Keberkesanan Latihan. Penilaian keberkesanan latihan perlu dilaksanakan tiga (3) bulan selepas kursus. Penilaian hanya difokuskan kepada latihan yang melibatkan peningkatan kompetensi. Rekod penilaian perlu diserahkan kepada Pegawai Latihan untuk tujuan pemfailan.

Dokumen Rujukan: PM(KEL)PKS/02 - Latihan

7.3 Kesedaran

PLANMalaysia Kelantan memastikan semua kakitangan perlu mempunyai kesedaran mengenai:

- a) Dasar Kualiti Jabatan;
- b) Objektif Kualiti Jabatan;
- c) perubahan yang berlaku ke atas SPK;
- d) sumbangan dan peranan mereka ke arah keberkesanan SPK, termasuk manfaat daripada prestasi yang telah ditambah baik; dan
- e) implikasi sekiranya mengabaikan atau tidak memenuhi keperluan SPK.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 30/46

7.4 Komunikasi

PLANMalaysia Kelantan akan mengadakan perjumpaan atau perhimpunan, mesyuarat dan program-program tertentu dari semasa ke semasa.

Komunikasi mengenai maklumat-maklumat berkaitan juga boleh disalurkan melalui laman sesawang laman sosial, e-mel, brosur Jabatan dan sebagainya.

7.5 Maklumat Didokumentasikan

Sistem pengurusan PLANMalaysia Kelantan terdiri daripada:

- a) maklumat yang didokumenkan (Dokumen dan Rekod) yang diperlukan oleh Standard ISO 9001:2015;
- b) maklumat yang didokumenkan (Dokumen Dan Rekod) yang ditentukan oleh PLANMalaysia Kelantan sebagai perlu untuk keberkesanan SPK.

A. Kawalan Dokumen

Dokumen-dokumen yang perlu dikawal adalah Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan dokumen-dokumen sokongan (Seperti borang dan senarai semak) yang berkaitan. Dokumen-dokumen rujukan dalaman dan luaran yang diperlukan untuk pelaksanaan sistem pengurusan kualiti juga akan dikenalpasti dan dikawal pengedarannya.

Kawalan terhadap dokumen dijelaskan di dalam prosedur berkaitan.

Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKU/02 - Prosedur Kawalan Dokumen

B. Kawalan Rekod

PLANMalaysia Kelantan mewujudkan rekod untuk menyediakan bukti kepatuhan terhadap keperluan dan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti.

Semua rekod adalah mudah dibaca, boleh dikenal pasti dan mudah diperolehi apabila diperlukan.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 31/46

Semua rekod dan tempoh simpanan didokumenkan pada setiap prosedur berkaitan. Jika rekod yang disimpan dalam media elektronik, sistem “*backup*” akan diwujudkan. Tempoh simpanan dinyatakan di dalam prosedur yang berkaitan.

Rekod-rekod yang berkaitan juga perlu dilindungi dari segi kerahsian serta dielakkan daripada sebarang pengubahsuaian yang tidak diingini.

Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKU/03 - Prosedur Kawalan Rekod Kualiti

8.0 Operasi

8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

PLANMalaysia Kelantan komited dalam merancang, melaksanakan dan mengawal proses yang diperlukan bagi memenuhi keperluan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan, dan melaksanakan tindakan yang ditentukan di dalam klausa 6, dengan:

- i. menentukan keperluan produk dan perkhidmatan;
- ii. mewujudkan kriteria untuk:
 - a. Proses-proses;
 - b. Penerimaan produk dan perkhidmatan;
- iii. menentukan sumber yang diperlukan untuk mencapai keakuran kepada keperluan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan;
- iv. melaksanakan kawalan ke atas proses menurut kriteria tersebut; dan
- v. menentukan, menyelenggara dan menyimpan maklumat yang didokumenkan pada tahap yang diperlukan:
 - a. untuk keyakinan bahawa proses-proses telah dilaksanakan mengikut perancangan;

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 32/46

- b. untuk menunjukkan keakuran kepada keperluan produk dan penyampaian perkhidmatan.

PLANMalaysia Kelantan juga komited untuk mengawal perubahan dan menyemak kesan perubahan yang tidak diinginkan, mengambil tindakan untuk mengurangkan sebarang kesan tidak diingini, di mana perlu

8.2 Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan

8.2.1 Komunikasi dengan Pelanggan

Komunikasi dengan pelanggan merangkumi:

- a) maklumat perkhidmatan melalui laman sesawang, brosur jabatan, mesyuarat dan lain-lain;
- b) pertanyaan pelanggan melalui kaunter pertanyaan, laman sesawang dan laman sosial, telefon, e-mel dan lain-lain;
- c) maklum balas pelanggan melalui kajian kepuasan pelanggan, aduan atau peti cadangan;
- d) pengendalian atau kawalan harta hakmilik pelanggan; dan
- e) mewujudkan keperluan khusus untuk pelan kontigensi, apabila berkaitan.

Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKS/04 - Maklum Balas Pelanggan (Kajian Kepuasan Pelanggan dan Pengurusan Aduan)

8.2.2 Menentukan Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan

Apabila menentukan keperluan produk dan penyampaian perkhidmatan untuk ditawarkan kepada pelanggan, PLANMalaysia Kelantan akan memastikan bahawa:

- i. keperluan produk dan perkhidmatan serta syarat-syarat sesuatu permohonan ditetapkan, termasuk;

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 33/46

- ii. sebarang keperluan undang-undang dan peraturan yang diguna pakai;
- iii. mana-mana keperluan yang dipertimbangkan sebagai perlu oleh PLANMalaysia Kelantan; dan
- iv. PLANMalaysia Kelantan boleh memenuhi keperluan perkhidmatan yang ditawarkan.

8.2.3 Kajian Semula/Semakan Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan

PLANMalaysia Kelantan memastikan ia memiliki kemampuan untuk memenuhi keperluan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. PLANMalaysia Kelantan akan melakukan semakan sebelum memberikan komitmen untuk penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan merangkumi:

- a) keperluan yang dinyatakan oleh pelanggan;
- b) keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan, tetapi ianya perlu untuk perkhidmatan tersebut, di mana diketahui;
- c) keperluan yang ditetapkan oleh PLANMalaysia Kelantan;
- d) keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan; dan
- e) keperluan produk dan perkhidmatan yang berbeza dengan yang dinyatakan sebelumnya.

8.2.4 Perubahan Keperluan untuk Produk dan Perkhidmatan

PLANMalaysia Kelantan memastikan bahawa apabila berlaku perubahan pada keperluan produk dan perkhidmatan, dokumen yang berkaitan akan dipinda dan mereka yang berkenaan dimaklumkan mengenai perubahan keperluan tersebut.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 34/46

8.3 Reka Bentuk dan Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

8.3.1 Umum

PLANMalaysia Kelantan mewujudkan, melaksana dan menyelenggarakan proses reka bentuk dan pembangunan yang bersesuaian untuk memastikan penyediaan produk dan perkhidmatan berikutnya.

8.3.2 Perancangan Reka Bentuk dan Pembangunan

Di dalam menentukan peringkat dan kawalan untuk reka bentuk dan pembangunan, PLANMalaysia Kelantan mengambil kira:

- a) sifat, tempoh dan kerumitan aktiviti reka bentuk dan pembangunan;
- b) peringkat proses yang diperlukan, termasuk semakan reka bentuk dan pembangunan yang berkaitan;
- c) aktiviti pengesahan dan validasi reka bentuk dan pembangunan yang diperlukan;
- d) tanggungjawab dan kuasa yang terlibat di dalam proses reka bentuk dan pembangunan;
- e) sumber dalaman dan luaran yang diperlukan untuk reka bentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan;
- f) keperluan untuk mengawal *interface* di antara mereka yang terlibat di dalam proses reka bentuk dan pembangunan;
- g) keperluan untuk penglibatan pelanggan dan pengguna di dalam proses reka bentuk dan pembangunan;
- h) keperluan untuk penyediaan produk dan perkhidmatan berikutnya;
- i) jangkaan tahap kawalan ke atas proses reka bentuk dan pembangunan oleh pelanggan dan pihak berkepentingan berkaitan; dan
- j) maklumat yang didokumenkan yang diperlukan untuk menunjukkan bahawa keperluan reka bentuk dan pembangunan telah dipenuhi.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 35/46

8.3.3 Input Rekabentuk dan Pembangunan

PLANMalaysia Kelantan menentukan keperluan penting yang spesifik untuk jenis produk dan perkhidmatan yang direka bentuk dan dibangunkan. PLANMalaysia Kelantan mengambil kira:

- a) keperluan kefungsiian dan prestasi;
- b) maklumat yang diperolehi daripada aktiviti reka bentuk dan pembangunan terdahulu yang serupa;
- c) keperluan undang-undang dan peraturan;
- d) piawaian atau kod amalan yang PLANMalaysia Kelantan komited untuk laksanakan; dan
- e) potensi kegagalan akibat daripada sifat produk dan perkhidmatan tersebut;

Input perlu mencukupi untuk tujuan reka bentuk dan pembangunan, lengkap dan dan jelas.

Input reka bentuk dan pembangunan yang tidak jelas perlu diselesaikan.

PLANMalaysia Kelantan menyimpan rekod yang berkaitan untuk input reka bentuk dan pembangunan.

8.3.4 Kawalan Reka Bentuk dan Pembangunan

PLANMalaysia Kelantan menggunakan kawalan ke atas proses reka bentuk dan pembangunan untuk memastikan bahawa:

- a) hasil yang hendak dicapai ditetapkan;
- b) semakan dijalankan untuk menilai keupayaan hasil reka bentuk dan pembangunan di dalam memenuhi keperluan;
- c) aktiviti pengesahan dijalankan untuk memastikan output reka bentuk dan pembangunan memenuhi keperluan input;

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 36/46

- d) aktiviti validasi dijalankan untuk memastikan hasil produk dan perkhidmatan memenuhi keperluan untuk aplikasi yang spesifik atau penggunaan yang dihasratkan;
- e) sebarang tindakan yang diperlukan ke atas masalah yang ditentukan semasa aktiviti semakan, atau pengesahan dan validasi; dan
- f) rekod untuk aktiviti-aktiviti ini disimpan.

8.3.5 Output Reka Bentuk dan Pembangunan

PLANMalaysia Kelantan memastikan output reka bentuk dan pembangunan:

- a) memenuhi keperluan input;
- b) mencukupi untuk proses berikutnya untuk penyediaan produk dan perkhidmatan;
- c) merangkumi atau rujukan keperluan pemantauan dan pengukuran, di mana sesuai, dan kriteria penerimaan; dan
- d) menyatakan ciri-ciri produk dan perkhidmatan yang penting untuk tujuan yang dihasratkan dan penyediaan yang selamat dan sempurna.

PLANMalaysia Kelantan menyimpan rekod yang berkaitan untuk output reka bentuk dan pembangunan.

8.3.6 Perubahan Reka Bentuk dan Pembangunan

PLANMalaysia Kelantan mengenal pasti, menyemak dan mengawal perubahan yang dibuat semasa, atau selepas reka bentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan, pada takat yang perlu untuk memastikan bahawa tiadanya kesan negatif ke atas keakuran kepada keperluan.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 37/46

PLANMalaysia Kelantan menyimpan rekod-rekod berkaitan untuk:

- a) perubahan reka bentuk dan pembangunan;
- b) hasil semakan;
- c) kebenaran pada pindaan; dan
- d) tindakan yang diambil untuk mencegah kesan buruk.

Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKT/02 - Penyediaan Pelan Projek Khas

8.4 Kawalan Terhadap Proses, Produk dan Perkhidmatan Sediaan Luar

8.4.1 Am

Proses berkaitan perolehan secara umumnya adalah merujuk kepada dokumen luaran seperti dinyatakan di dalam peraturan semasa kerajaan. Selain itu, penilaian terhadap prestasi pembekal (bekalan dan perkhidmatan) perlu dilaksanakan dengan menggunakan Borang Penilaian Prestasi Pembekal oleh penerima bekalan atau perkhidmatan. Pegawai Aset perlu membuat analisis pada setiap akhir tahun dengan menggunakan Borang Analisis Prestasi Penilaian Keseluruhan Pembekal untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

8.4.2 Jenis dan Takat Kawalan

PLANMalaysia Kelantan sentiasa memastikan setiap bekalan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh pembekal disahkan lengkap dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan semasa penerimaan. Pengesahan penerimaan dilakukan oleh kakitangan Bahagian atau Unit atau pegawai yang dipertanggungjawabkan yang menerima barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan. Pengesahan penerimaan ini akan dicatat pada Inden Kerja, Pesanan Tempatan (LO) dan Nota Serahan (DO).

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 38/46

8.4.3 Maklumat untuk Penyedia Luar

PLANMalaysia Kelantan sentiasa memastikan kecukupan keperluan dan maklumat sebelum berkomunikasi dengan pembekal luar. Maklumat untuk pembekal ialah dalam bentuk sama ada melalui Pesanan Tempatan (LO), Surat Lantikan, Inden Kerja atau Kontrak Perjanjian. Unit Kewangan sentiasa memastikan pembekal yang dilantik dapat memenuhi kepuasan pelanggan menerusi perkhidmatan yang diberikan sama ada bekalan atau perkhidmatan berdasarkan penilaian yang dibuat melalui Rekod Penilaian Prestasi Pembekal.

8.5 Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan

8.5.1 Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan

PLANMalaysia Kelantan melaksanakan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan di dalam keadaan terkawal.

Keadaan terkawal termasuk, di mana berkenaan:

- i. kewujudan dokumen dan rekod yang menetapkan:
 - a) Ciri-ciri produk perkhidmatan dibekalkan, atau aktiviti yang dilaksanakan;
 - b) Hasil yang ingin dicapai.
- ii. kewujudan dan penggunaan peralatan yang sesuai untuk pemeriksaan dan pengukuran;
- iii. pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran di peringkat yang sesuai untuk mengesahkan kriteria untuk kawalan ke atas proses dan kriteria produk dan perkhidmatan telah dipenuhi;
- iv. penggunaan infrastruktur dan persekitaran yang sesuai untuk pengoperasian proses;
- v. pelantikan orang kompeten; termasuk sebarang kelayakan yang diperlukan, jika berkaitan;

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 39/46

- vi. validasi, ke atas keupayaan untuk mencapai hasil produk dan perkhidmatan yang dirancang, di mana output yang dihasilkan tidak boleh dibuat pengesahan melalui pemantauan dan pengukuran;
- vii. pelaksanaan tindakan untuk mencegah kesilapan manusia;
- viii. pelaksanaan aktiviti kelulusan, penghantaran dan selepas penghantaran; dan
- ix. dokumen-dokumen rujukan seperti prosedur PM(KEL)PKT/01, PM(KEL)PKT/02 dan PM(KEL)PKT/03.

8.5.2 Pengenalpastian dan Kebolehesanan/Kemudahkesanan

Di mana perlu, PLANMalaysia Kelantan mengenal pasti produk atau perkhidmatan dan statusnya dengan cara yang sesuai sepanjang proses penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan.

Untuk kemudahan, nombor rujukan fail jabatan dijadikan sebagai rujukan bagi setiap permohonan sepanjang proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan.

8.5.3 Harta Kepunyaan/Milik Pelanggan atau Penyedia Luar

PLANMalaysia Kelantan sentiasa akan memastikan harta milik pelanggan dan pembekal termasuk maklumat berkaitan semasa dijaga dengan baik sepanjang berada di bawah kawalan atau kegunaan PLANMalaysia Kelantan.

Harta milik pelanggan ini boleh merangkumi pelan dan laporan atau dokumen-dokumen lain yang diterima daripada pelanggan.

Harta milik pembekal pula boleh merangkumi peralatan-peralatan pejabat yang disewa daripada pembekal.

Apabila harta milik pelanggan atau pembekal hilang, rosak atau didapati sudah tidak sesuai digunakan, PLANMalaysia Kelantan hendaklah

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 40/46

melaporkannya kepada pelanggan atau pembekal yang berkenaan dan menyimpan rekod ke atas apa yang telah berlaku.

8.5.4 Pemeliharaan (Pengekalan)

PLANMalaysia Kelantan akan memelihara output atau produk hasil daripada penyediaan dan penyampaian perkhidmatan untuk memastikan keakuran kepada keperluan.

Di mana berkaitan, PLANMalaysia Kelantan akan mewujudkan kaedah pemeliharaan produk merangkumi pengenaltastian, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan dan perlindungan.

8.5.5 Aktiviti Selepas Hantar Serah (Penghantaran)

Di mana berkaitan, PLANMalaysia Kelantan akan memenuhi keperluan selepas penyampaian perkhidmatan termasuklah menangani sebarang isu yang dibangkitkan oleh pelanggan selepas perkhidmatan disampaikan.

8.5.6 Kawalan Perubahan

PLANMalaysia Kelantan akan menyimpan rekod yang menerangkan hasil semakan terhadap sebarang perubahan kepada proses penyampaian perkhidmatan termasuk pihak yang meluluskan perubahan tersebut. Jika perubahan proses melibatkan prosedur, ianya akan direkodkan di dalam Borang Cadangan Pindaan Dokumen.

Sebarang perubahan yang ingin dilakukan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti perlu dibangkitkan oleh Ketua Bahagian/Ketua Unit terbabit dalam Mesyuarat Pengurusan. Jika perubahan tersebut berkaitan dengan prosedur, pindaan akan dibuat merujuk kepada prosedur kawalan dokumen.

Rujuk klausa 6.3 untuk perancangan perubahan.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 41/46

8.6 Pelepasan Produk dan Perkhidmatan

PLANMalaysia Kelantan komited untuk melaksanakan aturan yang telah dirancang, pada peringkat yang bersesuaian, untuk mengesahkan yang keperluan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi iaitu semakan dan kelulusan oleh mereka yang diberi kuasa di sepanjang proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan.

Kelulusan atau pelepasan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan tidak boleh diteruskan sehingga aturan yang telah dirancang telah lengkap dengan memuaskan, melainkan diluluskan oleh pihak yang diberi kuasa dan di mana berkenaan, oleh pelanggan.

PLANMalaysia Kelantan akan menyimpan rekod berkaitan pelepasan produk dan perkhidmatan iaitu:

- i. bukti keakuran dengan kriteria penerimaan; dan
- ii. kemudahan kepada pegawai yang membenarkan pelepasan itu.

8.7 Kawalan Output Tak Akur

PLANMalaysia Kelantan akan memastikan produk dan perkhidmatan yang takakur kepada keperluan diidentifikasi dan dikawal untuk mencegah daripada tersalah guna atau penghantaran.

PLANMalaysia Kelantan mengambil tindakan bersesuaian berdasarkan maklumat ketakakuran dan kesannya ke atas keakuran produk dan perkhidmatan. Ini juga terpakai ke atas perkhidmatan takakur yang dikesan selepas selepas penyampaian perkhidmatan.

PLANMalaysia Kelantan menguruskan produk dan perkhidmatan takakur dengan satu atau lebih daripada cara-cara berikut:

- i. pembetulan seperti pembetulan kepada kesilapan dan kuiru kepada pelanggan atau pemohon;
- ii. diasingkan daripada digunakan;
- iii. pemakluman kepada pelanggan atau pemohon; dan
- iv. mendapatkan konsesi atau kelulusan khas daripada pihak pengurusan.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 42/46

9.0 Penilaian Prestasi

9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian

9.1.1 Am

PLANMalaysia Kelantan akan menentukan:

- i. apa yang perlu dipantau dan diukur;
- ii. kaedah pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian yang diperlukan bagi memastikan keputusan yang sah;
- iii. bila pemantauan dan pengukuran perlu dilakukan; dan
- iv. bila hasil daripada pemantauan dan pengukuran perlu dianalisis dan dinilai.

PLANMalaysia Kelantan akan menilai prestasi pelaksanaan proses dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti dan menyimpan rekod yang berkaitan.

9.1.2 Kepuasan Pelanggan

PLANMalaysia Kelantan akan memantau persepsi pelanggan sejauh mana keperluan dan jangkaan mereka telah dipenuhi melalui kajian kepuasan pelanggan.

Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKS/04 - Maklum Balas Pelanggan (Kajian Kepuasan Pelanggan dan Pengurusan Aduan)

9.1.3 Analisis dan Penilaian

PLANMalaysia Kelantan menganalisis dan menilai data dan maklumat yang bersesuaian hasil daripada pemantauan dan pengukuran.

Hasil analisis hendaklah digunakan untuk menilai:

- i. keakuran kepada produk dan perkhidmatan;
- ii. tahap kepuasan pelanggan;

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 43/46

- iii. prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
- iv. sama ada perancangan telah dilaksanakan dengan berkesan;
- v. keberkesanan tindakan yang diambil di dalam menangani risiko dan peluang;
- vi. prestasi pembekal luar; dan
- vii. keperluan untuk penambahbaikan sistem pengurusan kualiti.

9.2 Audit Dalaman

PLANMalaysia Kelantan akan menjalankan audit dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menilai sama ada sistem pengurusan kualiti:

- i. memenuhi:
 - a) keperluan sistem pengurusan kualiti PLANMalaysia Kelantan;
 - b) keperluan Standard ISO 9001:2015; dan
- ii. dilaksanakan dan disenggara dengan berkesan.

PLANMalaysia Kelantan akan:

- i. merancang dan menyediakan program audit, di mana ianya mengambil kira kepentingan proses yang berkenaan, perubahan yang memberi kesan kepada PLANMalaysia Kelantan dan hasil audit terdahulu;
- ii. menetapkan kriteria audit dan skop audit;
- iii. memilih juruaudit yang terlatih untuk memastikan matlamat audit serta memastikan pemilihan dan ketelusan proses audit;
- iv. memastikan hasil audit dilaporkan kepada pengurusan yang berkaitan dengan melaksanakan mesyuarat penutup selepas selesai audit, melaksanakan pembetulan, di mana berkaitan dan tindakan pembetulan yang sesuai tanpa berlengah; dan
- v. menyimpan rekod-rekod audit sebagai bukti pelaksanaan dan hasil audit.

Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKU 04 - Pengendalian Audit Dalaman

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 44/46

9.3 Kajian Semula Pengurusan

9.3.1 Am

Pengarah PLANMalaysia Kelantan akan mengkaji semula SPK PLANMalaysia Kelantan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun (sama ada pada tahun semasa atau pada suku tahun pertama berikutnya) bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan serta selaras dengan hala tuju strategik PLANMalaysia Kelantan.

9.3.2 Input Kajian Semula Pengurusan

Agenda Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan adalah seperti berikut:

- i. status tindakan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;
- ii. perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti;
- iii. maklumat mengenai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk trend dalam:
 - a) kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan berkenaan;
 - b) sejauh mana objektif kualiti telah tercapai;
 - c) prestasi proses dan keakuran produk dan perkhidmatan;
 - d) ketakakuran dan tindakan pembetulan;
 - e) hasil pemantauan dan pengukuran;
 - f) keputusan audit dalaman dan audit sirim;
 - g) prestasi pembekal termasuk perunding untuk rancangan pembangunan;
- iv. kecukupan sumber;
- v. keberkesanan tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang; dan
- vi. peluang penambahbaikan.

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 45/46

9.3.3 Output Kajian Semula Pengurusan

Output kajian semula pengurusan merangkumi keputusan dan tindakan berkaitan perkara berikut:

- i. peluang penambahbaikan;
- ii. sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan kualiti; dan
- iii. sumber yang diperlukan.

PLANMalaysia Kelantan menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti daripada hasil kajian semula pengurusan merangkumi minit mesyuarat dan bahan-bahan pembentangan yang berkaitan.

10.0 Penambahbaikan

10.1 Am

PLANMalaysia Kelantan akan menentukan dan memilih peluang penambahbaikan dan melaksanakan sebarang tindakan yang perlu untuk memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

10.2 Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan

Apabila berlaku ketakakuran, termasuk yang dibangkit melalui aduan, PLANMalaysia Kelantan akan:

- i. bertindak ke atas ketakakuran, dan di mana berkenaan:
 - a) mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya;
 - b) menangani kesan daripada ketakakuran tersebut.
- ii. menilai keperluan untuk tindakan menghapuskan punca ketakakuran, supaya ia tidak berulang atau berlaku di tempat lain, dengan:
 - a) semakan dan menganalisis ketakakuran;
 - b) menentukan punca ketakakuran; dan

MANUAL KUALITI	NO. KELUARAN : 03
	NO. PINDAAN : 00
MS ISO 9001 : 2015 PM(KEL)MK	TARIKH : 3 MAC 2026
	MUKA SURAT : 46/46

- c) menentukan jika ketakakuran yang serupa wujud, atau berpotensi boleh berlaku.
- iii. melaksanakan sebarang tindakan yang diperlukan;
- iv. semakan keberkesanan bagi sebarang tindakan pembetulan yang diambil;
- v. mengemaskini daftar risiko, jika perlu; dan
- vi. membuat pindaan pada dokumentasi yang berkaitan, jika perlu.


Dokumen Rujukan:

PM(KEL)PKU/05 - Tindakan Pembetulan

10.3 Penambahbaikan Berterusan

PLANMalaysia Kelantan komited untuk sentiasa menambah baik secara berterusan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

PLANMalaysia Kelantan sentiasa mengambil kira hasil analisis dan penilaian, dan output daripada semakan pengurusan, untuk menentukan jika ada keperluan atau peluang yang perlu ditangani sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan.



TARIKH KEMASKINI: 19 JANUARI 2026

Petunjuk:

- **LTBN:** Lantikan Tetap Bercarum Negeri
- **JBC:** Jawatan Berasaskan Caruman
- **ETB:** Elaun Tidak Berpencen
- **CFS:** Contract For Service
- **KUP:** Khas Untuk Penyandang
- **PPBD:** Pegawai Perancang Bandar dan Desa
- **Tek.:** Teknologi
- **Kew:** Kewangan
- **Pen:** Penolong
- **Peg:** Pegawai
- **Pem:** Pembantu
- **M:** Memangku
- **K:** Kontrak

**JAWATAN YANG TELAH DISI
PEGAWAI BERSTATUS TETAP & LTBN: 41**

**PEGAWAI BERSTATUS
KONTRAK (JBC/CFS): 17**

JUMLAH: 58

**JUMLAH PENJAWATAN KESELURUHAN
(BERDASARKAN BUKU BAJET 2025): 46**



**CARTA ORGANISASI
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN
(PLAN Malaysia Kelantan)**

ISU LUARAN DAN ISU DALAMAN

ISU LUARAN			
Bil.	Faktor Luaran	Isu	Kesan
1.	Pekeliling Tanah dan Galian Negeri menguatkuasakan Pekeliling Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 6 Tahun 2015: Dasar Pembangunan Tanah yang Bercanggah dengan Kelas Kegunaan Utama Tanah (Zoning) di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].	Pekeliling berkenaan telah dikuatkuasakan oleh semua Pejabat Tanah dan Jajahan serta pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menjejaskan pemakaian RT.	<ul style="list-style-type: none"> i. Banyak berlaku pemberian kebenaran merancang yang bercanggah zoning. ii. Banyak keputusan permohonan kebenaran merancang dibuat tidak selaras dengan Akta 172.
2.	Tapak kemudahan/institusi yang telah diwartakan dalam rancangan tempatan (RT) tidak diambil Tindakan oleh agensi-agensi Negeri/Persekutuan.	Agensi-agensi Negeri/Persekutuan tidak proaktif untuk mengemukakan kertas cadangan bagi mendapatkan peruntukan terhadap tapak kemudahan/institusi yang telah diwartakan dalam RT.	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemilik tanah tidak dapat membangunkan tanah. ii. Perancangan menyediakan kemudahan awam untuk kesejahteraan rakyat tidak dapat dilaksanakan.

ISU LUARAN DAN ISU DALAMAN

ISU DALAMAN			
Bil.	Faktor Dalaman	Isu	Kesan
1.	Kawalan dokumen dan rekod	Kawalan dokumen yang tidak diselenggara dengan baik menyebabkan risiko kehilangan fail adalah tinggi.	Proses kerja terganggu

Bil.	Pihak Berkepentingan	Keperluan dan Jangkaan	Kesan atau Kesan Berpotensi
1.	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)/Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)/Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan)	<ul style="list-style-type: none"> - Melaksanakan akta, kaedah, garis panduan perancangan (GPP) dan dasar - Menghadiri mesyuarat-mesyuarat utama - Penyelaras pelaksanaan program-program PBT - Penyelarasan OSC - Pemantauan PBT - Pemudah cara dalam menasihati PBN/PBT dalam aspek perancangan dan pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat penyesuaian di peringkat negeri - Kekurangan bilangan pegawai menghadiri mesyuarat - Ketidakkampuan PBT melaksanakan program menyebabkan PLANMalaysia sukar menyelaraskan
3.	Agensi-agensi Teknikal	Input perancangan	Nasihat perancangan tidak dipatuhi
4.	Pejabat Tanah Daerah	Pengemukakan permohonan tanah secara pukal	Kesulitan untuk memberi jawapan secara serentak
5.	Pihak berkuasa tempatan (PBT)	<ul style="list-style-type: none"> - Nasihat dan input perancangan - Keperluan data spatial - Penyelarasan pemakaian GPP 	Berlaku percanggahan ulasan
		Peruntukan pelaksanaan "Program Bandar Selamat"	Kegagalan pelaksanaan program
6.	Pemilik/Pemunya Tanah	Maklumat perancangan	<ul style="list-style-type: none"> - Kesiediaan Jabatan memberi maklumat - RTD/RKK hendaklah disediakan dalam bahasa orang awam (layman) - Penjelasan berulang

Bil.	Pihak Berkepentingan	Keperluan dan Jangkaan	Kesan atau Kesan Berpotensi
		Layanan rayuan KM (Lembaga Rayuan)	<ul style="list-style-type: none"> - Penyelesaian kes lambat - Integriti jabatan
7.	Pemaju/Perunding	<ul style="list-style-type: none"> - Prarundingan - Semakan zoning perancangan - Sebaran dasar perancangan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kesiediaan pegawai/kakitangan yang boleh mengatur prarundingan
8.	Pelajar (Sekolah/IPT)	Mendapatkan maklumat perancangan	<ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan maklumat yang mudah diakses - Kesiediaan penyediaan maklumat dalam tempoh yang cepat
9.	Pembekal	Bayaran tepat pada masa	<ul style="list-style-type: none"> - Reputasi jabatan terjejas
10.	Kakitangan PLANMalaysia Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> - Kemantapan integriti - Komunikasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Pelanggaran disiplin - Ketidakecekapan dalam memberi nasihat

FORMAT PELAN TINDAKAN OBJEKTIF KUALITI

BIL.	PELAN TINDAKAN OBJEKTIF KUALITI	PENCAPAIAN	KEBERKESANAN TINDAKAN	KEPUTUSAN MESYUARAT
Bahagian/Unit: PERANCANGAN KORPORAT DAN LEMBAGA RAYUAN				
Bahagian/Unit: PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PROJEK KHAS				
Bahagian/Unit: KAWALAN PEMBANGUNAN				
Bahagian/Unit: PENTADBIRAN				

FORMAT DAFTAR RISIKO

No. Daftar Risiko / Peluang :
Bahagian/Unit :
Tarikh :

Isu Dalaman	Risiko /Peluang	Kawalan Sedia Ada	Penilaian Risiko				Kawalan Tambahan
			Kebarangkalian	Impak	Markah	Tahap Risiko	

